

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**AKW 301 • Pengurusan Operasi**

Masa : 2 jam

---

**ARAHAN**

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawapan hendaklah menggunakan borang OMR dengan menggunakan pensil 2B. Pastikan setiap butiran yang dikehendaki telah diisikan di dalam borang OMR.

**ANDA TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA KERTAS PEPERIKSAAN INI KELUAR DARI BILIK PEPERIKSAAN. PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN DAN KEMBALIKAN KERTAS SOALAN INI.**

. .2/-

1. Pengurusan **operasi** boleh diaplikasikan:
  - (a) dikebanyakan sektor perkhidmatan.
  - (b) dikebanyakan sektor pengilangan.
  - (c) kepada pengilangan **dan** perkhidmatan.
  - (d) hanya di perkhidmatan.
  - (e) hanya kepada sektor **pengeluaran**.
2. Yang **mana** BUKAN merupakan sifat **biasa** bagi barang?
  - (a) Produk yang tidak dapat **dikesan** kewujudan.
  - (b) Kemudahan ke arah automasi.
  - (c) **Interaksi** pelanggan yang tinggi.
  - (d) Pengeluaran dan penggunaan.
  - (e) Kesukaran untuk penjualan semula.
3. Jumlah pengeluaran yang **dihasilkan** melalui proses transformasi dibahagikan dengan **jumlah** input ialah:
  - (a) penggunaan.
  - (b) penekanan di **dalam** pengeluaran dari perkhidmatan.
  - (c) hanya **didefinasikan** untuk firma pengeluaran.
  - (d) pelbagai faktor produktiviti.
  - (e) tiada jawapan.
4. Yang **mana** di **antara** pernyataan berikut **adalah** benar?
  - (a) Strategi korporat dibentuk oleh strategi fungsian.
  - (b) Misi korporat **dibentuk oleh strategi** korporat.
  - (c) Strategi **fungsian** dibentuk oleh strategi korporat.
  - (d) Persekitaran **luaran** dibentuk oleh misi korporat.
  - (e) Misi korporat dibentuk oleh strategi fungsian.
5. Yang **mana** di antara berikut BUKAN kaedah yang digunakan oleh organisasi di dunia pemiagaan untuk bersaing di **antara** satu sama lain?
  - (a) Kos pengeluaran.
  - (b) Kualiti.
  - (c) Peniruan **produk**.
  - (d) Keanjalan.
  - (e) Masa untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti.

6. Keupayaan sesebuah organisasi untuk mengeluarkan barangan atau perkhidmatan di **mana** semua ciri-citi keunikkan wujud ialah
- (a) persaingan berasaskan masa.
  - (b) persaingan berasaskan produktiviti.
  - (c) persaingan berasaskan keanjalan.
  - (d) persaingan **pembezaan**.
  - (e) Pengkhususan besar-besaran.
7. Yang **mana** antara pernyataan di bawah memberikan contoh terbaik bagi kepimpinan kos-rendah?
- (a) Firma menghasilkan barangan dengan pengurangan hasil buangan berbanding pesaing.
  - (b) Firma menawarkan barangan yang boleh dipercayai berbanding pesaing.
  - (c) Barangan sesebuah firma diperkenalkan ke dalam pasaran dengan cepat berbanding pesaing.
  - (d) Jabatan penyelidikan dan pembangunan sesebuah firma menghasilkan **banyak** ide untuk barangan **baru**.
  - (e) Firma menyediakan **banyak** pengiklanan dari pesaing.
8. Yang manakah antara berikut adalah CONTOH bagi persaingan kepada maklumbalas yang cepat?
- (a) Firma menghasilkan barangan dengan pengurangan hasil buangan berbanding dengan pesaing.
  - (b) Firma menawarkan barangan yang **boleh** dipercayai berbanding dengan pesaing.
  - (c) Barangan sesebuah firma diperkenalkan ke dalam **pasaran** dengan cepat berbanding dengan pesaing.
  - (d) Jabatan kajian dan pembangunan sesebuah firma menghasilkan **banyak** idea untuk barangan **baru**.
  - (e) Firma mengadakan **banyak** pengiklanan dari pesaing.
9. Yang manakah antara berikut BUKAN satu keputusan operasi?
- (a) Penjadualan.
  - (b) Rekabentuk susunatur.
  - (c) Harga.
  - (d) Kualiti.
  - (e) **Inventori**.

10. Yang manakah antara berikut mempengaruhi rekabentuk susunatur?
- (a) Keperluan kapasiti.
  - (b) Aras personel
  - (c) Keputusan pembelian.
  - (d) Keperluan inventori.
  - (e) Semua di atas mempengaruhi keputusan susunatur
11. Pengoptimuman kapasiti adalah paling sesuai pada peringkat \_\_\_\_\_ dalam kitaran hidup produk.
- (a) pengenalan
  - (b) perkembangan
  - (c) kematangan
  - (d) penurunan
  - (e) inkubasi
12. Apabila membangunkan strategi operasi untuk organisasi pengilangan baru, perkara penting yang perlu diambil kira ialah
- (a) memerlukan pelaburan modal yang minimum.
  - (b) menggunakan automatik seboleh yang mungkin.
  - (c) menggunakan imbalan yang sama bagi buruh dan automasi.
  - (d) menyokong keseluruhan strategi bersaing syarikat.
  - (e) tiada jawapan.
13. Yang manakah antara berikut membawa kepada operasi global?
- (a) Pengurangan kos.
  - (b) Menambahbaikkan rantaian pembekal.
  - (c) Menarik pasaran baru.
  - (d) Menarik dan mengekalkan saingan global.
  - (e) Semua di atas.
14. Pengurus operasi mestilah berupaya untuk menjangkakan perubahan \_\_\_\_\_
- (a) peluang produk.
  - (b) barangan keluaran.
  - (c) jumlah barangan.
  - (d) campuran barangan.
  - (e) semua di atas.

15. Yang mana dari yang berikut mempengaruhi peluang pasaran dalam industri automotif?
- (a) Mengekalkan perkembangan ekonomi.
  - (b) Perubahan **demografik**.
  - (c) Membangunkan material yang kukuh.
  - (d) Pembekal-pembekal.
  - (e) **Semua di atas.**
16. Di peringkat **kitaran hayat** produk yang manakah perlu menggunakan strategi pemfokusan produk **bagi** meningkatkan kawalan kos?
- (a) Pengenalan.
  - (b) Perkembangan.
  - (c) Kematangan.
  - (d) Penurunan.
  - (e) Tiada jawapan diberi.
17. Di antara elemen yang membuat produk lebih mesra alam ialah
- (a) menggunakan **bahanyangkurangbahaya**.
  - (b) menggunakan bahan yang dikitar semula.
  - (c) mengurangkan **penggunaan** tenaga.
  - (d) keupayaan untuk mengitar semula produk.
  - (e) semua di **atas**.
18. Yang **mana** antara **pernyataan** berikut adalah BENAR mengenai nilai kejuruteraan?
- (a) Nilai kejuruteraan berorientasikan ke arah penambahbaikan rekabentuk.
  - (b) Nilai kejuruteraan berlaku hanya selepas produk dipilih dan direkabentuk.
  - (c) Nilai kejuruteraan **adalah sama** dengan analisis nilai.
  - (d) Nilai kejututeraan berlaku semasa pengeluaran apabila produk tersebut benar-benar berjaya.
  - (e) Nilai kejuruteraan boleh menjimatkan sebahagian jumlah kos produk, **tetapi** kualiti akan terjejas.
20. Analisis nilai dilakukan
- (a) semasa di peringkat awal pengeluaran bila sesuatu perlu dilakukan untuk kejayaan produk.
  - (b) apabila produk dipilih dan direkabentuk.
  - (c) apabila produk **diterima pada** peringkat awal.
  - (d) semasa proses pengeluaran kejayaan produk adalah jelas.
  - (e) apabila kos produk **amat rendah**.

21. Yang manakah antara senario berikut menunjukkan yang jangkaan pelanggan telah dipenuhi?
- (a) **Perkhidmatan** pos laju yang menjanjikan serahan **pada** hari yang sama.
  - (b) Pramugari yang **memberi** maklumbalas dengan segera setelah dipanggil.
  - (c) Profesor yang **menghubungi** pegawai di beberapa syarikat untuk mendapatkan pekerjaan **bagi** pelajar-pelajarnya.
  - (d) Kerani jualan memanggil nama **anda** semasa lawatan ke dua anda di pasaraya.
  - (e) Kerani jualan di kedai pakaian meminta **anda** menunggu sebentar sebaik sahaja seorang pelanggan yang **kaya** masuk ke kedai.
22. ISO 9000 menunjukkan piawaian mengenai
- (a) produk
  - (b) prosedur pengeluaran
  - (c) prosedur **mengurus** kualiti
  - (d) spesifikasi pembekal
  - (e) semua di **atas**.
23. Yang **manakah** antara berikut **BENAR** mengenai sijil ISO14000?
- (a) Ia bukan prasyarat untuk sijil ISO 9000
  - (b) Ia **berurusan** dengan **pengurusan** persekitaran
  - (c) Ia menawarkan satu pendekatan bersistematik terbaik untuk mencegah pencemaran.
  - (d) **Satu** daripada elemen asasnya ialah taksiran kitaran **hayat**
  - (e) Semua di **atas**
24. **Pengurusan** Kualiti Menyeluruh (PKM) menekankan kepada \_\_\_\_\_
- (a) sijil ISO1 4000
  - (b) tanggungjawab staf kawalan kualiti untuk mengenalpasti dan menyelesaikan semua masalah yang berkaitan kualiti.
  - (c) satu iltizam kepada kualiti **tentang** isu dalaman syarikat kepada pembekal dan pelanggan
  - (d) satu sistem di **mana** **pengurus** yang berkuasa sahaja membuat keputusan
  - (e) satu proses di **mana** kebanyakan ahli statistik **melibatkan** diri.
25. Perkara manakah yang bet-i kut **BUKAN** kejayaan program PKM?
- (a) Penambahbaikan berterusan.
  - (b) Penglibatan pekeja.
  - (c) Penanda Aras.
  - (d) Kuasa pembuatan keputusan **berpusat**.
  - (e) Peralatan PKM.

26. “Kaizen” bermaksud \_\_\_\_\_
- (a) mekanisma yang tidak boleh diubah,
  - (b) tepat **pada** waktu.
  - (c) penambahbaikan berterusan.
  - (d) gambarajah tulang ikan.
  - (e) penetapan piawaian.
27. Pemeriksaan, reja, dan membaik pulih adalah contoh-contoh bagi
- (a) kos dalaman.
  - (b) kos luaran.
  - (c) **kos** ketidakpuasan.
  - (d) kos pencegahan.
  - (e) kos masyarakat.
28. **Semua** kos-kos yang disenaraikan akan **menurun** kerana penambahbaikan kualiti **KECUALI**
- (a) kos ketidakpuasan pelanggan.
  - (b) kos pemeriksaan.
  - (c) kos bahan buangan.
  - (d) jaminan dan kos perkhidmatan.
  - (e) kos penyelenggaraan.
29. Carta Pareto digunakan untuk
- (a) mengenalpasti **titik** pemeriksaan proses.
  - (b) menguruskan kesilapan, masalah atau kerosakan.
  - (c) garispanduan jadual pengeluaran.
  - (d) menunjukkan aturan pemasangan.
  - (e) semua di **atas**.
30. Alat yang selalu digunakan **untuk membantu memahami turutan** peristiwa yang berlaku **bagi sesuatu** produk dikenali sebagai
- (a) Carta Proses.
  - (b) Carta Pareto.
  - (c) Senarai Semakan.
  - (d) Peta Taguchi.
  - (e) Poka-yoke.

31. Proses berterusan digunakan untuk menghasilkan
- (a) produk yang berkuantiti tinggi, kepelbagaian tinggi.
  - (b) produk yang berkuantiti **rendah**, kepelbagaian tinggi.
  - (c) produk yang berkuantiti tinggi, kepelbagaian **rendah**.
  - (d) produk yang kepelbagaian **rendah**, tidak kira berkuantiti tinggi atau rendah.
  - (e) produk yang berkuantiti tinggi, tidak kira kepelbagaian tinggi atau rendah.
32. Barisan pemasangan adalah contoh bagi
- (a) barisan pembuatan.
  - (b) susunatur gudang.
  - (c) susunatur produk.
  - (d) susunatur proses.
  - (e) susunatur tetap.
33. 'T'ubuhan kerja (Job shop) adalah contoh bagi
- (a) proses berulang.
  - (b) proses **sela-menyela**.
  - (c) proses berterusan .
  - (d) proses **lini**.
  - (e) proses pengkhususan.
34. Yang manakah antara industri berikut lebih kepada penggunaan peralatan yang **rendah**?
- (a) Pembuatan kereta.
  - (b) Hospital.
  - (c) Pembuatan bir.
  - (d) Pembuatan **kertas**.
  - (e) Pemprosesan kimia.
35. Yang manakah antara produk berilcut lebih kepada pemasangan lini dalam proses berulang?
- (a) Otomobil.
  - (b) Komputer peribadi .
  - (c) **Mesin** basuh.
  - (d) Televisyen.
  - (e) Semua di **atas**.



36. Dalam member-i perkhidmatan besar-besaran dan profesional, pengurus operasi perlu memfokuskan kepada
- (a) automasi .
  - (b) penyelenggaraan peralatan.
  - (c) sumber manusia.
  - (d) penjadualan yang canggih.
  - (e) semua di atas.
37. Yang manakah antara ciri-ciri berikut adalah terbaik bagi menerangkan pemfokusan proses?
- (a) **Kuantiti rendah**, kepelbagaian tinggi.
  - (b) Barangan siap dibuat untuk pesanan.
  - (c) Proses direkabentuk untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang kepelbagaian tinggi .
  - (d) Semua di atas.
  - (e) Tiada jawapan.
38. Yang manakah antara berikut adalah TIDAK BENAR mengenai pengaturcaraan linear?
- (a) Objektif dinyatakan **sama ada maksimum** atau minimum.
  - (b) Objektifnya dijelaskan dengan nyata.
  - (c) Terdapat set kekangan untuk pilihan.
  - (d) Fungsian objektif sahaja dinyatakan dalam persamaan matematik.
  - (e) Digunakan untuk membuat keputusan dalam rancangan pengeluaran.
39. Lima jenis masalah dalam pengaturcaraan linear yang dihadapi oleh pengurus operasi ialah
- (a) campuran produk, bahan, pengangkutan, umpukan **dan** rancangan pengeluaran.
  - (b) campuran bahan, pengangkutan, umpukan, rancangan pengeluaran dan penghantaran.
  - (c) pembelian, penghantaran, umpukan, proses **dan** rancangan inventori.
  - (d) campuran bahan, campuran produk, **pembelian**, umpukan dan rancangan inventori.
  - (e) campuran produk, bahan, pengangkutan, proses dan rancangan pengeluaran.
40.  $\text{Min } Z = 450x_1 + 300x_2$  adalah subjek kepada
- (a) bilangan bahan yang **diperlukan**.
  - (b) objektif untuk meminimumkan kos.
  - (c) kapasiti pembolehubah.
  - (d) persamaan matematik  $\leq$  dan  $\geq$ .
  - (e) fungsian objektif

41. Apakah kos minimum bagi soalan No: 40, jika  $x_1 = 1000$  dan  $x_2 = 2000$ ?
- (a) RM 10 500 000.
  - (b) RM 12 000 000.
  - (c) RM 1 500 000.
  - (d) RM 1 050 000.
  - (e) RM 1 200 000.
42. Yang manakah BENAR mengenai kesan teknologi terhadap operasi perkhidmatan?
- (a) Sistem identifikasi automatik seperti kod bar membenarkan data operasi dicapai **tanpa** kata kunci.
  - (b) Sistem maklumat **pengurusan** menyediakan pelbagai maklumat kawalan **untuk** sesebuah syarikat.
  - (c) Mesin ATM bagi memudahkan wang keluar dan masuk tanpa kawalan.
  - (d) **Pengimbas** di pasaraya **bagi** menyelesaikan masalah sistem pakar
  - (e) **Kunci** hotel elektronik yang mengawal kos pelanggan.
43. Perancangan **Sumber** Enterprise
- (a) boleh **dilaksanakan** kerana kelebihan perisian dan peralatan yang canggih.
  - (b) menggunakan **rangkaian pengguna/pelanggan**.
  - (c) membentuk pangkalan data.
  - (d) meningkatkan komunikasi **dan** gabungan **seluruh** dunia.
  - (e) semua diatas.
44. **Keputusan** lokasi untuk sebuah pasaraya **perlu** mengambilkira tentang
- (a) kos.
  - (b) **hasil**.
  - (c) **buruh**.
  - (d) persekitaran.
  - (e) pendidikan.
45. Apabila membuat **keputusan** lokasi **pada** peringkat negara, faktor yang manakah **perlu** diambilkira?
- (a) Keinginan korporat.
  - (b) Kos **tanah** dan pembinaan.
  - (c) Sistem udara, keretapi, dan air.
  - (d) Zon larangan.
  - (e) Isu budaya dan ekonomi.

46. Yang manakah antara berikut merupakan kos tak ketara?
- (a) Kualiti pendidikan.
  - (b) Kesyediaan pengangkutan awam.
  - (c) Kualiti pekerja masa hadapan.
  - (d) Semua diatas.
  - (e) Tiada jawapan.
47. Kaedah pusat graviti mengambilkira yang berikut KECUALI
- (a) lokasi pasaran.
  - (b) kuantiti penghantaran barang ke pasaran.
  - (c) nilai barang yang dihantar.
  - (d) gabungan bagi kuantiti dan jarak.
  - (e) tiada jawapan.
48. Pengeluar bateri telefon bimbit membuat keputusan bagi lokasinya dengan memfokuskan kepada
- (a) kos.
  - (b) hasil.
  - (c) buruh.
  - (d) persekitaran.
  - (e) pendidik.

Soalan bagi nombor 49 hingga 53 merujuk kepada masalah berikut.

Syarikat Pengangkutan Utara mempunyai penghantaran seperti yang ditunjukkan di jadual berikut. Tunjukkan penyelesaian kaedah barat laut dan batu loncatan kepada pengurus operasi bagi menyelesaikan masalah di Syarikat Pengangkutan Utara.

Dari \ Ke	Projek A	Projek B	Projek C	Kapasiti Kilang
Kilang 1	RM5	RM4	RM3	50
Kilang 2	RM8	RM4	RM3	150
Kilang 3	RM9	RM7	RM5	150
Keperluan Gudang	150	100	100	350

49. Apakah jumlah kos dalam penyelesaian awal kaedah sudut barat laut di Syarikat Pengangkutan Utara?
- (a) RM2000.
  - (b) RM2100.
  - (c) RM2200.
  - (d) RM2300.
  - (e) RM2250.
50. Sel manakah yang mempunyai kos indeks negatif selepas penilaian sel-sel kosong?
- (a) Kilang 1, projek B.
  - (b) Kilang 1, projek C.
  - (c) Kilang 2, projek C.
  - (d) Kilang 3, projek A.
  - (e) Kilang 3, projek B.
51. Apakah kos indeks bagi soalan no:50?
- (a) Negatif 1.
  - (b) Negatif 2.
  - (c) Negatif 3.
  - (d) Negatif 4.
  - (e) Tiada jawapan.
52. Daripada litar batu loncatan di soalan no:50, berapakah kuantiti yang perlu dipindahkan ke sel kosong tersebut?
- (a) 40.
  - (b) 50.
  - (c) 90.
  - (d) 100.
  - (e) 150.
53. Berapakah jumlah kos selepas penambahbaikan di soalan no:52?
- (a) RM1800.
  - (b) RM1950.
  - (c) RM2000.
  - (d) RM2200.
  - (e) RM2150.
54. Susunatur yang baik perlu menentukan
- (a) kapasiti dan keperluan ruang.
  - (b) keperluan penghantaran bahan.
  - (c) persekitaran dan estetik.
  - (d) aliran maklumat.
  - (e) semua di atas.

55. Yang manakah antara berikut adalah susunatur proses?
- (a) Pembinaan kapal terbang Boeing 777.
  - (b) Restoran khusus.
  - (c) Restoran makanan segera.
  - (d) Kilang otomobil.
  - (e) Kilang **keluli**.
56. Kebaikan susunatur proses ialah
- (a) menggunakan peralatan **yang** tinggi.
  - (b) mempunyai inventori **kerja** dalam proses yang banyak.
  - (c) mempunyai **aliran** kerja yang cepat dan **berterusan**.
  - (d) mempunyai keanjalan dalam peralatan dan tugas buruh.
  - (e) tiada jawapan.
57. Strategi susunatur yang berasaskan kepada pengeluaran yang kepelbagaian tinggi, kuantiti **rendah** ialah
- (a) susunatur posisi tetap.
  - (b) susunatur perkhidmatan.
  - (c) susunatur gudang.
  - (d) semua di **atas**.
  - (e) tiada jawapan.
58. Yang **manakah** antara susunatur berikut adalah yang terbaik penggunaan mesin?
- (a) Susunatur posisi tetap.
  - (b) Susunatur proses.
  - (c) Susunatur pejabat.
  - (d) **Susunatur** gudang.
  - (e) Susunatur produk.
59. Yang manakah antara susunatur berikut adalah terbaik bagi memproses gula daripada tebu?
- (a) Susunatur proses.
  - (b) Susunatur posisi tetap.
  - (c) **Susunatur** pemfokusan kilang.
  - (d) Susunatur **produk**.
  - (e) Susunatur sel .

60. Dalam imbangan barisan pemasangan, masa kitaran adalah
- (a) masa maksimum **bagi** sesuatu produk tersedia **pada** setiap stesyen kerja.
  - (b) masa minimum **bagi** sesuatu produk tersedia **pada** setiap stesyen kerja.
  - (c) masa optimum **bagi** sesuatu produk tersedia **pada** setiap stesyen kerja.
  - (d) masa kitaran yang dikehendaki **bagi** sesuatu produk tersedia pada setiap stesyen kerja.
  - (e) semua diatas.
61. Kapasiti harian **bagi susunatur** produk ditentukan oleh
- (a) masa kitaran dibahagikan dengan masa pengoperasian.
  - (b) masa pengoperasian dibahagikan dengan masa kitaran.
  - (c) masa pengoperasian dibahagikan dengan jumlah masa tugas.
  - (d) jumlah masa tugas dibahagikan dengan masa kitaran.
  - (e) masa kitaran dibahagikan dengan jumlah masa tugas.
62. Dalam keputusan beli atau buat, yang manakah antara berikut BUKAN sebab membeli?
- (a) Tidak **cukup** kapasiti.
  - (b) Rahsia pemiagaan atau **paten**.
  - (c) Kos inventori yang **rendah**.
  - (d) Mendapatkan kualiti yang diinginkan.
  - (e) Semua di **atas**.
63. Yang manakah antara berikut yang menjadikan integrasi menegak kurang berjaya?
- (a) Kebolehsediaan keperluan modal.
  - (b) Kebolehsediaan bakat **pengurusan**.
  - (c) Permintaan yang diperlukan.
  - (d) Syer **pasaran** yang **kecil**.
  - (e) Pembekal yang tidak dipercayai.
64. Pengeluar barangan **elektrik** telah menghantar **mesin** basuh kepada pengguna tetapi tidak kepada pengedar. Pengeluar **ini** mengamalkan
- (a) **penangguhan**.
  - (b) penghantaran **jatuh** (drop).
  - (c) penghantaran terus.
  - (d) penghantaran pelbagai.
  - (e) pengurangan apungan.


65. Hewlett-Packard seboleh  **mungkin** menanggukkan pengeluaran mesin pencetak laser. **Ini** adalah satu contoh
- (a) saluran pemasangan.
  - (b) integrasi kebelakang.
  - (c) penanguhan.
  - (d) pengkhususan secara masa.
  - (e) penyeragaman.
66. Semua pernyataan berikut benar mengenai  **analisis ABC** KECUALI
- (a) semua item  **memerlukan** darjah kawalan yang sama.
  - (b) inventori dikelaskan kepada nilai ringgit.
  - (c) inventori ditangan dikelaskan kepada tiga kumpulan yang berasaskan jumlah ringgit tahunan.
  - (d) menggunakan aplikasi prinsip  **pareto**.
  - (e) terdapat beberapa item inventori yang kritikal dan  **banyak** item inventori yang tidak berharga.
67. Dalam model EOQ  **asas** , j ika  $D = 6000$  setahun,  $S = \text{RM } 100$  dan  $H = \text{RM } 10$  seunit **sebulan**, kuantiti pesanan ekonomi  **ialah** \_\_\_\_\_ ( kepada nilai yang hampir).
- (a) 6000.
  - (b) 60.
  - (c) 346.
  - (d) 100.
  - (e) 35.
68. Yang manakah antara pernyataan berikut  **TIDAK BENAR** mengenai model EOQ  **asas**?
- (a) Jika permintaan tahunan meningkat,  **EOQ** akan meningkat.
  - (b) Jika kos pesanan meningkat, EOQ akan meningkat.
  - (c) Jika  **permintaan** tahunan meningkat dua  **kali**, EOQ akan meningkat dua kali.
  - (d) Jika kos pesanan  **menurun**, EOQ akan berkurangan.
  - (e) Semua di  **atas**.
69. Model kuantiti pesanan  **pengeluaran**
- (a) mengandaikan permintaan tetap dan diketahui.
  - (b) mengambilkira kos pesanan  **bukan** kos penyimpanan.
  - (c) mengandaikan penghantaran segera.
  - (d)  **menghasilkan purata** inventori yang besar.
  - (e) sesuai apabila unit yang dihasil akan dijual atau digunakan.

70. Apabila diskaun kuantiti dibenarkan, minimum kos kuantiti pesanan adalah
- (a) kuantiti EOQ.
  - (b) minimum jumlah kos pesanan dan penyimpanan.
  - (c) minimum jumlah kos pesanan, penyimpanan dan produk.
  - (d) minimum harga belian seunit.
  - (e) kuantiti yang **rendah** dan sesuai untuk harga yang ditetapkan.
71. Tujuan stok keselamatan ialah untuk
- (a) menghapuskan **kebarangkalian** kehabisan stok.
  - (b) menghapuskan kemungkinan kehabisan stok kerana ketidaksamaan pengiraan stok.
  - (c) mengawal kemungkinan kehabisan stok kerana permintaan **tinggi semasa** serahan.
  - (d) memelihara firma dari **keadaan** tiada permintaan.
  - (e) menggantikan unit-unit yang **rosak** dengan yang **baru**.
72. Yang **manakah** antara strategi **agregat** perancangan berikut mendorong pelanggan **anda** kepada pesaing?
- (a) Menggunakan **pekerja separuh** masa.
  - (b) Subkontrak.
  - (c) Menukar aras inventori.
  - (d) Mempelbagaikan kadar pengeluaran melalui kerja lebihmasa atau masa menunggu.
  - (e) **Mempelbagaikan saiz** tenaga kerja melalui pengambilan atau pemberhentian.
73. Yang manakah antara berikut adalah permintaan pilihan?
- (a) Sub-kontrak.
  - (b) Pelbagai **aras** pengeluaran.
  - (c) Penukaran aras inventori.
  - (d) **Penukaran** harga.
  - (e) Penggunaan perkerja separuh masa.
74. Yang **mana** antara berikut BUKAN pilihan **asas** bagi penukaran permintaan?
- (a) **Promosi**.
  - (b) Tempahan **akan** datang.
  - (c) Harga.
  - (d) Sub-kontrak.
  - (e) Semua di **atas**



75. Jadual pengeluaran induk mengandungi maklumat tentang
- kuantiti dan tarikh keperluan penghantaran bagi produk siap.
  - kuantiti dan tarikh keperluan penghantaran bagi semua sub-pemasangan.
  - inventori di tangan bagi produk akhir.
  - inventori di tangan bagi sub-pemasangan.
  - jadual penerimaan bagi produk akhir.

76. Di bawah adalah senarai bahan bagi produk "A"



Jika permintaan bagi produk A ialah 50 unit, apakah keperluan kasar bagi komponen C?

- 400.
  - 350.
  - 200.
  - 250.
  - 300.
77. Kod aras rendah bermaksud
- barang akhir yang berada di beberapa aras dalam struktur BOM.
  - komponen item dikodkan pada aras terendah yang dinyatakan dalam struktur BOM.
  - kod terendah bagi struktur BOM.
  - aras teratas dalam struktur BOM iaitu aras kosong.
  - tiada jawapan.
78. Peletusan senarai bagi bahan bermaksud
- menukarkan senarai bahan ke dalam komponen dan keperluan bahan mentah.
  - mengenalpasti pelbagai komponen, ramuan, dan material bagi menghasilkan barangan.
  - mengenalpasti masa menunggu bagi semua komponen.
  - menentukan pelbagai kuantiti komponen yang tersedia di tangan.
  - menentukan keperluan bersih bagi semua komponen.

79. Kekuatan utama MRP ialah
- (a) meminimumkan **penggunaan** masa bekerja.
  - (b) mengurangkan masa menunggu.
  - (c) memaksimumkan pengeluaran.
  - (d) merancang semula dengan tepat dan **pada** masanya.
  - (e) meminimumkan reja.
80. Teknik penjadualan yang manakah **perlu** digunakan apabila tarikh tamat adalah **sangat** penting untuk pesanan kerja?
- (a) Penj adualan kedepan.
  - (b) Penjadualan kebelakang.
  - (c) Bebanan.
  - (d) Penghantaran.
  - (e) Penjadualan induk.
81. Penjadualan kedepan
- (a) bermula dengan **tarikh** penghantaran, kemudian setiap **operasi** diimbangi dengan masa secara kebelakang.
  - (b) mengandaikan yang pembelian **bagi** bahan dan **operasi** bermula sebaik sahaja **keperluan** permintaan diketahui.
  - (c) **sangat** sesuai apabila pembekal dapat memenuhi tarikh penghantaran dengan tepat.
  - (d) meminimumkan inventor-i dalam proses.
  - (e) menghasilkan satu jadual sahaja jika **ia** memenuhi tarikh penghantaran.
82. Kaedah **tugasan** ialah
- (a) kaedah berkomputer **bagi** menentukan **tugas** yang sesuai kepada **operasi**.
  - (b) **sama** seperti **carta** Gantt.
  - (c) **pengaturcaraan** linear untuk mengoptimumkan kerja kepada sumber.
  - (d) satu kaedah untuk mencapai imbangan di antara penjadualan kedepan dan kebelakang.
  - (e) satu kaedah untuk mengenalpasti bebanan terlebih dalam setiap **pusat** kerja yang diberi.
83. Yang manakah antara berikut adalah **alat** bantuan untuk memantau kerja dalam proses?
- (a) **Carta** Bebanan Gantt
  - (b) **Carta** Jadual Gantt
  - (c) **Kaedah** **Tugasan**
  - (d) Peraturan Johnson
  - (e) Tiada jawapan

84. Mengapakah aktiviti patung digunakan dalam PERT/CPM?
- (a) Menentukan satu jangka masa aktiviti panjangnya adalah sifar.
  - (b) Tiada aktiviti yang mempunyai nod mula dan akhir yang sama.
  - (c) Memastikan yang rangkaian mengambilkira projek yang ditentukan.
  - (d) Semua di atas.
  - (e) Tiada jawapan
85. Yang manakah di antara berikut adalah TIDAK BENAR mengenai CPM?
- (a) **Laluan** genting adalah laluan terpendek di antara semua laluan dalam rangkaian.
  - (b) Laluan genting adalah set aktiviti yang mempunyai “slack” positif.
  - (c) Terdiri daripada beberapa rangkaian yang tidak mempunyai laluan genting.
  - (d) Semua aktiviti **pada** laluan genting mempunyai LS yang sama dengan EF.
  - (e) Tiada jawapan.
86. Aktiviti-aktiviti yang tidak berada **pada** laluan genting PERT tetapi mempunyai beberapa “slack” perlu dimantau secara dekat kerana
- (a) PERT menentukan semua aktiviti adalah sama penting.
  - (b) laluan genting yang terdekat menjadi laluan genting dengan penangguhan yang kecil dalam aktiviti-aktiviti ini.
  - (c) mereka menyebabkan seluruh projek menjadi lambat.
  - (d) “slack” tidak diinginkan dan perlu di hapuskan.
  - (e) mereka mempunyai risiko yang tinggi sebab tidak dilaksanakan.

Nyatakan **sama ada** kenyataan **di** bawah BENAR atau **PALSU di** dalam borang OMR. Berikan jawapan A bagi BENAR dan B bagi PALSU.

87. Pengurusan operasi merujuk kepada penghasilan barang dimana pengeluaran merujuk kepada penyediaan perkhidmatan.
88. Bagi memiliki kerjaya dalam bidang pengurusan pengeluaran, seseorang mesti memiliki ijazah dalam jurusan statistik.
89. Penambahbaikan produktiviti dalam sektor perkhidmatan adalah sukar kerana perkhidmatan adalah proses individu.
90. Sektor perkhidmatan menyumbang kepada sebahagian besar sektor ekonomi di kalangan masyarakat yang maju.
91. Misi dan strategi sesebuah organisasi pada hakikatnya adalah sama.
92. Keputusan kualiti adalah satu daripada sepuluh keputusan dalam pengurusan operasi.

. . .20/-

[AKW301]

93. Sepuluh keputusan **operasi** digunakan di organisasi yang berorientasikan **perkilangan**, bukan perkhidmatan.
94. Apabila sesuatu produk berjaya dalam **pasaran**, rekabentuknya tidak sepatut ditukar.
95. Kebanyakan ide produk baru menjadi produk yang berjaya berada di **pasaran**.
96. Secara tradisi, pasukan pembangunan produk digunakan untuk rekabentuk produk dan pembangunan **produk**.
97. Rekabentuk tegap adalah kaedah yang memastikan pemasangan tidak **memberi** kesan kepada produk.
98. Keburukkan CAD ialah **ia** meningkatkan kos pengeluaran yang disebabkan oleh teknologi **mahal**.
99. Pelanggan mengambil bahagian dalam mereka-cipta dan perkhidmatan penghantaran.
100. Bulatan **kualiti** member-i mandat kepada pekerja untuk menambahbaikkan produktiviti dengan mendapatkan penyelesaian masalah kepada kerja yang berkaitan.

[ 100 markah ]